

25 JAN 2002

Mahathir-KMM

DR MAHATHIR KHUATIR IBU BAPA HANTAR ANAK BELAJAR KE PAKISTAN

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kekhuatirannya terhadap sikap ibu bapa yang suka menghantar anak mereka belajar di beberapa buah madrasah di Pakistan.

"Kini kita kluatir dengan mereka yang suka hantar anak mereka ke Pakistan dan mungkin di lain-lain tempat. Apakah (benar) mereka belajar agama atau lain-lain," katanya ketika diminta mengulas penangkapan terbaru 10 anggota sayap kedua Kumpulan Militan Malaysia (KMM) seperti yang disiarkan di media massa hari ini.

Dr Mahathir ditemui selepas melancarkan sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-20 di Akademi Kastam di Bukit Baru di sini, hari ini.

Beliau bimbang pelajar berkenaan bukannya belajar agama tetapi mempunyai hubungan dengan Taliban dan Al-Qaeda dan belajar mengenai penggunaan senjata, membuat bom dan cara berperang dan apabila pulang ke tanah air, mereka melakukan perkara itu di negara ini.

"Semua ini dilatih di sana dan mereka ini, apabila balik ke sini, mereka cuba buat semua itu. Sebab itu kita tahu pembunuhan (Joe) Fernandez (bekas anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Lunas) itu dilakukan oleh mereka.

"Begitu juga dengan beberapa bom kecil yang diletupkan dan mereka cuba samun senjata di balai polis Guar Cempedak dan rompak bank untuk membiayai perbelanjaan mereka. Ini semua mereka belajar di sana," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap kumpulan militan di negara ini kerana jika kegiatan mereka dibiarkan ia akan menjadi lebih besar.

Katanya kerajaan tahu golongan itu pergi ke Pakistan kononnya hendak belajar agama tetapi mereka sebaliknya bukan diajar agama tetapi macam mana hendak memberontak dan hendak menjatuhkan kerajaan.

"Sebab itu ada interviu dengan seorang budak di madrasah, dia kata hendak jadi "pure warrior" (wira sejati), jadi kalau kita belajar agama hendak jadi Mujahidin maknanya kita tak belajar agama, kalau kita belajar agama kita belajar agamalah," katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan Amerika Syarikat menghantar tenteranya ke selatan Filipina bagi membantu kerajaan negara itu menangani pengganas, Perdana Menteri berkata Malaysia mengambil tindakan tegas bagi menangani pengganas dan tidak perlu mengarah sesiapa untuk berbuat demikian.

"Kita tahu kita ambil tindakan (terhadap pengganas), tak payah hendak arah sesiapa, semua orang tahu. Setakat ini tak ada negara yang menuduh Malaysia sebagai negara yang memberi perlindungan kepada pengganas.

"Ada negara mungkin buat demikian tetapi kita tak bagi perlindungan kepada pengganas," katanya Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata semua negara perlu memerangi keganasan dan tidak membiarkan mereka bertindak kerana kegiatan mereka boleh memburukkan keadaan dan menjejaskan ekonomi negara.

"Kita tak mahu, kita tak rela pengganas bebas dan bertindak di negara kita. Kalau pun mereka tidak memyerang kita, tetapi kita tak boleh terima kegiatan keganasan dalam negara kita," katanya.

Mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski) yang dijadikan sebagai landasan untuk mendidik kanak-kanak membenci kerajaan dan bertindak ganas, Dr Mahathir berkata di negara ini belum sampai ke tahap itu tetapi nampak jelas ada yang berminat dan ada sekolah agama yang membangkitkan kebencian kepada kerajaan.

"Bila dah benci itu, dia ajarlah bagaimana hendak jatuhkan kerajaan dengan kekerasan. Ini yang berlaku di Pakistan dan Afghanistan. Dulu Afghanistan diperintah oleh kumpulan Rabbani, tetapi puak ini (Taliban) pergi untuk menjatuhkan kerajaan Rabbani.

"Dia juga anggap mana-mana kerajaan Islam, tak Islam. Jadi mereka bercadang untuk menjatuhkan semua kerajaan Islam," katanya.

-- BERNAMA

APG SBS RHM